

**ALAMAT MAHKAMAH-  
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI  
PULAU PINANG**

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH  
Penolong Pendaftar  
George Town, Pulau Pinang, Malaysia  
Telefon: 04-8307777

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
TIMUR LAUT  
Penolong Pendaftar  
George Town, Pulau Pinang, Malaysia  
Telefon: 04-8271780

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
BARAT DAYA  
Penolong Pendaftar  
Balik Pulau, Pulau Pinang, Malaysia  
Telefon: 04-8662282

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
SEBERANG PERAI UTARA  
Penolong Pendaftar  
Kepala Batas, Pulau Pinang, Malaysia  
Telefon: 04-5753842/04-5723385

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
SEBERANG PERAI TENGAH  
Penolong Pendaftar  
Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia  
Telefon: 04-5375410

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
SEBERANG PERAI SELATAN  
Penolong Pendaftar  
Jawi, Pulau Pinang, Malaysia  
Telefon: 04-5827294

# HUBUNGI KAMI

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

NO 3, JALAN BATU  
GANTUNG, 10450 GEORGETOWN,  
PULAU PINANG  
No Telefon : 04-830 7777  
Laman Web : [jksnpp.penang.gov.my](http://jksnpp.penang.gov.my)  
Emel : [jksnpp@esyariah.gov.my](mailto:jksnpp@esyariah.gov.my)

# HAK SUAMI ISTERI MEMBUAT TUNTUTAN SELEPAS PERCERAIAN



### 3. HARTA SEPENCARIAN

Harta sepencarian ialah harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat ditentukan oleh Hukum Syarak. Harta sepencarian ini boleh dituntut oleh suami atau isteri di Mahkamah yang berbidangkuasa. Harta sepencarian termasuklah wang ringgit, harta alih, harta tak alih atau apa-apa aset yang dihasilkan atas perkongsian bersama dalam tempoh perkahwinan.

Tuntutan harta sepencarian ini hendaklah dikemukakan di Mahkamah Tinggi Syariah.

### 4. HAK JAGAAN ANAK (HADHANAH)

Hadhanah bermaksud penjagaan anak-anak yang masih kecil yang belum mumayyiz. Mengikut Hukum Syarak dan Undang-undang keluarga Islam yang berkuatkuasa, ibu adalah orang yang paling berhak bagi menjaga anak-anaknya yang masih kecil. Jika berlaku pertikaian mengenai hak jagaan anak, Mahkamah akan menentukan berdasarkan penilaian Mahkamah.

Tuntutan Hak Jagaan Anak (Hadhanah) ini hendaklah dikemukakan di Mahkamah Tinggi Syariah.

### 5. NAFKAH ANAK

Nafkah anak ialah suatu nafkah yang wajib ke atas seseorang bagi menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain. Nafkah anak ini termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan perubatan sekadar mencukupi mengikut kemampuannya.

**Selepas berlaku perceraian, hubungan kekeluargaan dalam Islam tidak terhenti setakat itu. Pasangan yang telah bercerai masih lagi mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Antara perkara yang boleh dituntut di Mahkamah ialah:**

- i. nafkah 'iddah;
- ii. tunggakan nafkah isteri;
- iii. mut'aah;
- iv. Hak tempat tinggal;
- v. harta sepencarian;
- vi. hak jagaan anak (Hadhanah); dan
- vii. nafkah anak.

## TUNTUTAN SELEPAS PERCERAIAN

### 1. NAFKAH 'IDDAH

Nafkah 'iddah ialah nafkah yang wajib dibayar kepada isteri yang diceraikan dalam tempoh 'iddah iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal mengikut Hukum Syarak.

### 2. MUT'AH

Mut 'ah iaitu pemberian yang diwajibkan ke atas suami kepada isteri yang telah diceraikan tanpa sebab yang munasabah mengikut Hukum Syarak. Kadar mut'ah boleh ditentukan melalui persetujuan kedua-kedua belah pihak atau ditentukan oleh Mahkamah.

### 6. TUNGGAKAN NAFKAH

Tunggakan nafkah ialah nafkah yang tidak ditunaikan oleh suami kepada isterinya dalam tempoh perkahwinan dan menjadi hutang ke atas suaminya dan wajib dibayar. Tunggakan ini boleh dituntut di mana-mana Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa.

### 7. HAK TEMPAT TINGGAL

Isteri yang diceraikan adalah berhak tinggal di rumah yang disediakan oleh suami dalam tempoh perkahwinan.

